

Halal @ Stem tingkat ilmu pelajar

حلال
Halal
Niaga

- Libatkan 174 murid sekolah
- Teroka Stem dalam konteks industri halal secara praktikal

PETALING JAYA – Nestle Malaysia telah menjalin kerjasama strategik dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk memperkenalkan program pembelajaran Halal@STEM kepada pelajar sekolah menengah.

Program ini telah berlangsung di Sekolah Menengah Kebang-



PENGURUSAN kanan Nestle dan sekolah serta juga pelajar SMK Bukit Baru bergambar pada program Halal@STEM di Melaka baru-baru ini.

saan (SMK) Bukit Baru, Melaka bagi memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka aplikasi sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam konteks industri halal secara lebih dekat dan praktikal.

Inisiatif Halal@STEM yang dibangunkan bersama Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia ini

mengetengahkan peranan sains dan teknologi dalam memastikan integriti halal di sepanjang keseluruhan rantai nilai pembuatan makanan dan minuman, daripada pemilihan bahan mentah dan proses pengeluaran sehinggalah kepada jaminan kualiti serta keyakinan pengguna.

Melalui inisiatif tersebut, syarikat menggunakan kepakaran

industri untuk memperkembangkan ilmu halal yang sebenar kepada pelajar.

Ketua Hal Ehwal Halal, Nestle, Nasrul Hadi Mohamed Nor berkata, Program Halal@STEM mencerminkan pendekatan syarikat dalam mendekati golongan muda mengenai kepentingan halal secara lebih bermakna.

"Di Nestle halal bukan sekadar

pematuhan, tetapi berteraskan sains, kualiti, keselamatan dan tanggungjawab etika.

"Sebagai pengeluar halal terbesar kumpulan Nestle dan Pusat Kecemerlangan Halal, kami membawa kepakaran ini ke dalam program ini.

"Melalui gabungan pendidikan STEM dan prinsip halal, pelajar dapat memahami bagaimana sains dan teknologi menyokong integriti halal serta membuka ruang kepada peluang kerjaya masa hadapan dalam sektor ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Seramai 174 murid menyertai sesi interaktif mengenai topik-topik STEM seperti penelitian pengesahan halal, mengetahui perbezaan bulu sintetik dan haiwan, membangunkan aplikasi mudah alih untuk mengesahkan produk halal, menggunakan mesin kecerdasan buatan yang boleh diajar, menghasilkan sabun Sertu, mencipta penapis air dan mengira panel nutrisi.

Semua ini menjelaskan konsep STEM sambil memaparkan peranan langsungnya dalam pematuhan, kualiti dan inovasi halal.